



GARIS PANDUAN

**LAYANAN CUKAI BERHUBUNG PENDAPATAN YANG DITERIMA
DARI LUAR NEGARA (PINDAAN)**

(TARIKH PENERBITAN: 20 JUN 2024)



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENERBITAN

Edisi Ketiga

Edisi Kedua pada 29 Disember 2022

Edisi Pertama pada 29 September 2022

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Pengenalan	1
2. Tujuan	1
3. Undang-Undang	2
4. Tafsiran	2
5. Layanan Cukai	4
5.1 Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin	4
5.2 Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia yang dikecualikan cukai dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2026	17
5.2.1 Pendapatan dividen luar negara yang diterima di Malaysia oleh syarikat pemastautin, perkongsian liability terhad pemastautin dan ahli kongsi individu berhubung dengan perniagaan perkongsian pemastautin	18
5.2.2 Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh individu pemastautin	27
5.2.3 Perbelanjaan atau potongan yang dilakukan berkaitan dengan pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin	30
5.2.4 Penyimpanan dokumen sokongan dan pengisytiharan pendapatan luar negara yang dikecualikan cukai	32
6. Layanan cukai pendapatan luar negara berkaitan Cukai Makmur	33
7. Penafian	38

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini adalah susulan pindaan kepada Perenggan 28 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) melalui Akta Kewangan 2021 [Akta 833] yang bertujuan untuk mengenakan cukai bagi pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin mulai 1 Januari 2022.
- 1.2 Pindaan peruntukan ini adalah untuk memberikan layanan cukai sama rata pendapatan dari luar negara dengan pendapatan yang terakru di Malaysia atau terbit dari Malaysia yang mana selaras dengan komitmen Malaysia terhadap pematuhan amalan terbaik percukaian di peringkat antarabangsa.
- 1.3 Namun demikian, terdapat pengecualian cukai diberikan berhubung pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
- 1.4 Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia yang diberi pengecualian cukai adalah seperti berikut:
 - (a) Pendapatan dividen luar negara yang diterima di Malaysia oleh syarikat pemastautin, perkongsian liabiliti terhad (PLT) pemastautin dan individu pemastautin berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia [P.U. (A) 235/2022 dan P.U.(A) 157/2024].
 - (b) Semua pendapatan luar negara selain daripada pendapatan perniagaan perkongsian yang diterima di Malaysia oleh individu pemastautin [P.U. (A) 234/2022].
- 1.5 Bagi tujuan pengecualian di perenggan 1.4(a) tidak terpakai kepada pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans atau pengangkutan laut atau udara.

2. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan untuk memberikan penjelasan mengenai layanan cukai ke atas pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

3. UNDANG-UNDANG

- 3.1 Seksyen 3, 4, 7, 8, 61, 132, 133, perenggan 6(1)(p), Bahagian XX Jadual 1, perenggan 28 Jadual 6 dan Jadual 7 di bawah ACP 1967; dan
- 3.2 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam Garis Panduan ini adalah Perintah Cukai Pendapatan seperti berikut:
- (a) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2022 [P.U. (A) 96/2022];
 - (b) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 5) 2022 [P.U.(A) 234/2022];
 - (c) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 [P.U.(A) 235/2022]; dan
 - (d) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 6) 2022 (Pindaan) 2024 [P.U.(A) 157/2024].

4. TAFSIRAN

Perkataan yang digunakan dalam Garis Panduan ini mempunyai maksud berikut:

- 4.1 “Cukai Makmur” bermaksud cukai pendapatan khas secara *one-off* kepada syarikat yang memperolehi pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran (TT) 2022 seperti yang diperuntukkan di Perenggan 2, Bahagian I, Jadual 1 ACP 1967.
- 4.2 “Diterima di Malaysia” bermaksud dipindah atau dibawa masuk ke dalam Malaysia, sama ada dalam bentuk tunai atau melalui pindahan dana elektronik; atau kedua-duanya.
- 4.3 “Tunai” bermaksud wang kertas, wang syiling dan cek.
- 4.4 “Pindahan dana elektronik” bermaksud *bank transfer (e.g. credit transfer, debit transfer), payment card (debit card, credit card and charge card), electronic money (e-money), privately-issued digital assets (e.g. crypto-assets, stablecoins)* dan *Central bank digital currency (CBDC)*.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 4.5 “Kredit cukai dua belah pihak” bermaksud kredit cukai bagi pendapatan yang tertakluk kepada cukai Malaysia yang telah dikenakan cukai di luar negara yang mana negara tersebut mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPDK) dengan Malaysia berdasarkan peruntukan Seksyen 132 ACP 1967. Kredit cukai dua belah pihak hanya terpakai sekiranya peruntukan “Penghapusan Cukai Dua Kali” terkandung di dalam PPPDK berkaitan.
- 4.6 “Kredit cukai sebelah pihak” bermaksud kredit cukai bagi pendapatan yang tertakluk kepada cukai Malaysia yang telah dikenakan cukai di luar negara yang mana negara tersebut tidak mempunyai PPPDK dengan Malaysia berdasarkan peruntukan Seksyen 133 ACP 1967.
- 4.7 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk tahun taksiran berdasarkan seksyen 7, 8 atau subseksyen 61(3) ACP 1967.
- 4.8 “Pendapatan luar negara” bermaksud jenis pendapatan di bawah seksyen 4 ACP 1967 yang terbit daripada punca-punca dari luar Malaysia.
- 4.9 “Syarikat” bermaksud syarikat yang:
- (a) diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016; atau
 - (b) diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 dan syarikat itu telah membuat pemilihan di bawah seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (mulai tahun taksiran 2022).
- 4.10 “Perkongsian” bermaksud perkongsian di Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang mana dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- 4.11 “Perkongsian Liabiliti Terhad” bermaksud perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 berdasarkan ACP 1967 dan P.U.(A) 235/2022.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

5. LAYANAN CUKAI

5.1 Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin

- 5.1.1 Mulai 1 Januari 2022, secara umumnya, semua jenis pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin adalah tertakluk kepada cukai.
- 5.1.2 Senarai pendapatan luar negara yang tertakluk kepada layanan cukai ini adalah sepertimana diperuntukkan dalam Seksyen 4 ACP 1967 seperti berikut-
- (a) Perniagaan;
 - (b) Penggajian;
 - (c) Dividen, faedah atau diskaun;
 - (d) Sewa, royalti atau premium;
 - (e) Pencen, anuiti atau bayaran berkala; dan
 - (f) Pendapatan lain selain dari (a) hingga (e) di atas.
- 5.1.3 Perbelanjaan atau potongan yang dilakukan yang berkaitan dengan pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia boleh dibenarkan tertakluk kepada peruntukan di bawah ACP 1967.
- 5.1.4 Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia yang telah dikenakan cukai sama ada secara pengenaan cukai pegangan atau cukai pendapatan di luar negara boleh menuntut kredit cukai dua belah pihak atau sebelah pihak di bawah peruntukan seksyen 132 dan 133 ACP 1967.
- 5.1.5 Pemastautin yang menuntut kredit cukai mesti menyimpan bukti bahawa cukai luar negara telah dikenakan ke atas pendapatan tersebut.
- 5.1.6 Tuntutan kredit cukai untuk suatu tahun taksiran mesti dituntut dalam tempoh dua (2) tahun selepas akhir tahun taksiran itu. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Ketetapan Umum No. 11/2021 yang bertajuk “Kredit Dua Belah Pihak dan Kredit Sebelah Pihak”.
- 5.1.7 Jika kredit cukai yang dituntut untuk suatu tahun taksiran melebihi bahagian cukai Malaysia yang kena dibayar bagi pendapatan luar

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

negara yang diterima di Malaysia, lebih kredit cukai tersebut hendaklah diabaikan.

5.1.8 Bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022, pendapatan kasar luar negara yang diterima di Malaysia akan dikenakan cukai pada kadar 3% daripada pendapatan kasar di bawah peruntukan Bahagian XX Jadual 1 ACP 1967.

5.1.9 Mulai 1 Julai 2022, pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia adalah tertakluk kepada kadar cukai semasa.

5.1.10 Berikut adalah contoh layanan cukai terhadap pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia selain daripada pendapatan luar negara yang diberi pengecualian cukai seperti dinyatakan di perenggan 1.4:

Contoh 1

Dinamik Bhd. menutup akaun pada 30 September setiap tahun. Syarikat telah memberikan pinjaman kepada syarikat berkaitannya di Negara A (ada PPPDK) dan Negara B (tiada PPPDK). Syarikat memperolehi pendapatan faedah daripada pinjaman tersebut bagi tempoh 1.7.2022 hingga 30.9.2022.

Punca pinjaman yang diberikan oleh Dinamik Bhd. kepada syarikat berkaitannya di Negara A dan Negara B diperolehi daripada pinjaman dari institusi kewangan di Malaysia yang dikenakan faedah sebanyak RM8,000 dan RM20,000 masing-masing.

Berikut adalah pendapatan yang dilaporkan dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) TT 2022:

Butiran	RM
Pendapatan kasar punca perniagaan Malaysia (Perbelanjaan perniagaan dibenarkan RM500,000)	2,500,000
Pendapatan kasar faedah Malaysia (Perbelanjaan faedah pinjaman RM10,000)	60,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	RM
Pendapatan kasar faedah dari luar Malaysia yang diterima di Malaysia bagi tempoh 1.7.2022 hingga 30.9.2022:	
Pendapatan kasar faedah dari Negara A (Perbelanjaan faedah pinjaman RM8,000)	30,000
Pendapatan kasar faedah dari Negara B (Perbelanjaan faedah pinjaman RM20,000)	80,000
Derma diluluskan	5,000

Pendapatan kasar faedah dari pinjaman telah dikenakan cukai pegangan di negara A dan negara B seperti berikut:

Negara	Kadar Cukai Pegangan (%)	Amaun Cukai Pegangan (RM)
Negara A	15	4,500
Negara B	30	24,000

Berikut adalah pengiraan cukai Dinamik Bhd. bagi TT 2022:

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan (Malaysia) (RM2,500,000 – RM500,000)		2,000,000
Pendapatan berkanun faedah (Malaysia) (RM60,000 – RM10,000)	50,000	
Pendapatan berkanun faedah dari pinjaman luar negara:		
Faedah pinjaman (Negara A) (RM30,000 – RM8,000)	22,000	
Faedah pinjaman (Negara B) (RM80,000 – RM20,000)	60,000	
Jumlah pendapatan berkanun punca faedah		132,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	RM	RM
Pendapatan Agregat		2,132,000
Tolak: Derma diluluskan		5,000
Jumlah Pendapatan/Pendapatan Bercukai		2,127,000
Cukai pada kadar 24%		510,480
Tolak: Kredit Seksyen 132 (Negara A)	4,500 ¹	
Kredit Seksyen 133 (Negara B)	12,000 ²	(16,500)
Cukai Kena Dibayar		<u>493,980</u>

Nota:

¹Pengiraan:

(i) Kredit cukai dua belah pihak (Kredit Seksyen 132 ACP 1967):

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Pendapatan luar negara (pendapatan berkanun) (RM)}}{\text{Jumlah Pendapatan (RM)}} \times \text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit dua belah pihak (RM)} \\
 &= \frac{30,000 - 8,000}{2,127,000} \times 510,480 \\
 &= \frac{22,000}{2,127,000} \times 510,480 \\
 &= \text{RM5,280}
 \end{aligned}$$

Atau

cukai luar negara, yang mana lebih rendah

= RM5,280 dibandingkan dengan cukai luar negara (RM4,500)

= **RM4,500¹**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

²Pengiraan:

(i) Kredit cukai sebelah pihak (Kredit Seksyen 133 ACP 1967):

$$= \frac{\text{Pendapatan luar negara (pendapatan berkanun) (RM)}}{\text{Jumlah Pendapatan (RM)}} \times \text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit sebelah pihak (RM)}$$

$$= \frac{80,000 - 20,000}{2,127,000} \times 510,480$$

$$= \frac{60,000}{2,127,000} \times 510,480$$

$$= \text{RM}14,400$$

Atau

1/2 daripada cukai luar negara, yang mana lebih rendah

$$= \text{RM}14,400 \text{ dibandingkan dengan } \frac{1}{2} \text{ cukai luar negara } (\frac{1}{2} \times 24,000 = \text{RM}12,000)$$

$$= \text{RM}12,000^2$$

5.1.11 Layanan cukai terhadap pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia terbahagi kepada dua tempoh iaitu:

Tempoh	Kadar Cukai
1.1.2022 hingga 30.6.2022	3% daripada pendapatan kasar
Mulai 1.7.2022	Mengikut kadar cukai semasa

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 2

Hebat Bhd. menutup akaun pada 31 Ogos setiap tahun. Syarikat memberikan pinjaman kepada syarikat berkaitannya di luar negara. Pendapatan kasar faedah yang diterima dari Negara C (ada PPPDK) dan Negara D (tiada PPPDK) dibawa masuk pada 5.5.2022 dan 11.7.2022 masing-masing berjumlah RM800,000 dan RM600,000.

Maklumat berkaitan pendapatan Hebat Bhd. bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

Pendapatan	RM
Pendapatan kasar punca perniagaan (Malaysia) (Perbelanjaan dibenarkan RM500,000)	2,000,000
Pendapatan kasar faedah (Malaysia) (Perbelanjaan faedah pinjaman RM100,000)	500,000
Pendapatan kasar faedah dari Negara C diterima di Malaysia pada 5.5.2022 (Perbelanjaan faedah pinjaman RM100,000)	800,000
Pendapatan kasar faedah dari Negara D yang diterima di Malaysia pada 11.7.2022 (Perbelanjaan faedah pinjaman RM100,000)	600,000

Pendapatan kasar faedah dari pinjaman telah dikenakan cukai pegangan di luar negara seperti berikut:

Negara	Kadar Cukai Pegangan (%)	Amaun Cukai Pegangan (RM)
Negara C	15	120,000
Negara D	30	180,000

Berikut adalah pengiraan cukai bagi Hebat Bhd. bagi TT 2022:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan (Malaysia) (RM2,000,000 – RM500,000)		1,500,000
Pendapatan berkanun punca faedah (Malaysia) (RM500,000 – RM100,000)	400,000	
Pendapatan berkanun punca faedah dari pinjaman luar negara:		
Pendapatan faedah pinjaman (Negara C) [Perbelanjaan faedah RM100,000 tidak dibenarkan kerana faedah diterima di Malaysia pada 5.5.2022 (dalam tempoh 1.1.2022 hingga 30.6.2022)].	800,000	
Pendapatan faedah pinjaman (Negara D) (RM600,000 – RM100,000)	500,000	
Jumlah Pendapatan Berkanun Faedah		1,700,000
Jumlah Pendapatan/Pendapatan Bercukai		3,200,000
Cukai pada kadar 3% (Negara C) (RM800,000 x 3%)	24,000	
Cukai pada kadar 24% [(RM400,000 + RM500,000 (Negara D) + RM1,500,000) x 24%]	576,000	
Jumlah Cukai Pendapatan Dikenakan		600,000
Tolak: Kredit Seksyen 132 (Negara C)	24,000 ³	
Kredit Seksyen 133 (Negara D)	90,000 ⁴	(114,000)
Cukai Kena Dibayar		<u>486,000</u>

Nota:

Pengiraan Kredit Cukai Seksyen 132 ACP 1967:

³Faedah (Negara C)

Pengiraan kredit cukai dua belah pihak:

$$= \frac{\text{Pendapatan kasar faedah luar negara (RM)}}{\text{Jumlah Pendapatan (berhubung cukai yang dikenakan pada kadar 3\%)}} \times \text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit dua belah pihak (pada kadar 3\%) (RM)}$$

$$= \frac{\text{RM800,000}}{\text{RM800,000}} \times \text{RM24,000}$$

$$= \text{RM 24,000}$$

Atau

cukai luar negara, yang mana lebih rendah

$$= \text{RM24,000 dibandingkan dengan cukai luar negara (RM120,000)}$$

$$= \text{RM24,000}^3 \text{ (Jumlah kredit cukai dua belah pihak yang layak dituntut)}$$

Bagi menentukan amaun kredit cukai yang layak dituntut oleh Hebat Bhd. ke atas pendapatan faedah dari Negara C, penentuan dibuat berdasarkan pendapatan luar negara yang dikenakan cukai Malaysia 3% berbanding amaun cukai luar negara yang dikenakan (RM120,000). Nisbah pendapatan berkanun luar negara kepada jumlah pendapatan keseluruhan yang layak dikenakan cukai Malaysia pada kadar 24%, adalah tidak diambil kira. Ini adalah kerana amaun cukai atas pendapatan luar negara ini dikenakan cukai pada amaun pendapatan kasar menurut Bahagian XX, Jadual 1, ACP 1967 secara berasingan dan tidak termasuk di dalam penentuan cukai dikenakan pada kadar semasa (24%).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pengiraan Kredit Cukai Seksyen 133 ACP 1967:

⁴Faedah (Negara D)

- (i) Pengiraan bahagian pendapatan berkanun berhubung pendapatan luar negara:

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Pendapatan kasar faedah luar negara (RM)}}{\text{Pendapatan kasar punca faedah dalam dan luar negara (selain pendapatan yang diterima dalam tempoh 1.1.2022 – 30.6.2022) (RM)}} \times \frac{\text{Jumlah Pendapatan Berkanun Punca Faedah (RM)}}{\text{Pendapatan Berkanun Punca Faedah (RM)}} \\
 &= \frac{\text{RM600,000}}{(\text{RM500,000} + \text{RM600,000})} \times (\text{RM1,700,000} - \text{RM800,000}) \\
 &= \frac{\text{RM600,000}}{\text{RM1,100,000}} \times \text{RM900,000} \\
 &= \text{RM490,909.09}
 \end{aligned}$$

- (ii) Pengiraan kredit cukai sebelah pihak:

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Pendapatan luar negara (pendapatan berkanun) (RM)}}{\text{Jumlah Pendapatan (RM)}} \times \frac{\text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit sebelah pihak (RM)}}{\text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit sebelah pihak (RM)}} \\
 &= \frac{\text{RM490,909}}{(\text{RM3,200,000} - \text{RM800,000})} \times (\text{RM600,000} - \text{RM24,000}) \\
 &= \frac{\text{RM490,909}}{\text{RM2,400,000}} \times \text{RM576,000} \\
 &= \text{RM117,818.16}
 \end{aligned}$$

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Atau

1/2 daripada cukai luar negara, yang mana lebih rendah

= RM117,818.16 dibandingkan dengan 1/2 cukai luar negara
(1/2 x RM180,000 = RM90,000)

= **RM90,000⁴**

5.1.12 Berikut adalah contoh layanan cukai terhadap pendapatan luar negara yang melibatkan lebih dari satu tahun taksiran yang diterima di Malaysia.

Contoh 3

M Digital PLT (MDP) menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Berdasarkan rekod MDP, jumlah pendapatan MDP adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran (TT)	Pendapatan Malaysia (RM)	Faedah Kasar Negara E (S\$)	Cukai Negara E yang kena dibayar (S\$)	Faedah selepas dicukai di Negara E (S\$)	Faedah dari Negara E yang diterima di Malaysia (S\$)
2020	100,000	50,000	7,500	42,500	-
2021	110,000	-	-	-	-
2022	120,000	45,000	6,750	38,250	-
2023	130,000	30,000	4,500	25,500	34,000

Faedah di Negara E telah dicukai pada kadar 15% setiap tahun. Faedah dari Negara E yang diterima di Malaysia berjumlah S\$34,000.

Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia bagi sesuatu tahun taksiran hendaklah ditentukan oleh pembayar cukai. Oleh itu, pendapatan faedah dari Negara E berjumlah S\$34,000 yang diterima di Malaysia pada tahun 2023 adalah ditentukan oleh MDP yang mana terdiri daripada sebahagian faedah bagi TT 2022 (S\$8,500) dan faedah bagi TT 2023 (S\$25,500).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Sekiranya pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia melibatkan lebih dari satu tahun taksiran, maka pembayar cukai perlu menentukan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia adalah merujuk kepada tahun taksiran yang dikaitkan.

Beban pembuktian terletak kepada pembayar cukai apabila semakan audit dijalankan.

Dalam contoh ini, MDP layak menuntut kredit cukai kerana pendapatan yang sama telah dicukai dua kali di mana PPPDK wujud antara Malaysia dan Negara E. Tarikh peremitan adalah pada 15.12.2023 dan kadar pertukaran mata wang antara RM dan S\$ adalah $RM2.2038 = S\$1$.

Pengiraan cukai MDP bagi TT 2023 dan kredit cukai di bawah Seksyen 132 ACP 1967 adalah seperti berikut:

Butiran	RM	RM
Pendapatan Malaysia		130,000
Pendapatan dari Negara E yang diterima di Malaysia;		
Faedah kasar bagi TT 2023 ($S\$30,000 \times RM2.2038$)	66,114	
Faedah kasar bagi TT 2022 ($S\$34,000 - S\$25,500$) / 85% = $S\$8,500 / 0.85$ = $S\$10,000$ ($S\$10,000 \times RM2.2038$)	22,038	
Agregat pendapatan faedah dari Negara E diterima di Malaysia		88,152
Jumlah Pendapatan/Pendapatan Bercukai		218,152
Pengiraan cukai yang kena dibayar:		
Cukai pada kadar 24% ($RM218,152 \times 24\%$)		52,356.48

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	RM	RM
Tolak : Kredit cukai Seksyen 132 (i) $(RM88,152 / RM218,152) \times RM52,356.48$ Atau (ii) Cukai di Negara E TT 2023 (S\$4,500 x RM2.2038) = RM9,917.10 Cukai di Negara E TT 2022 (S\$10,000 x 15%) x RM2.2038 = RM3,305.70 Jumlah cukai di Negara E bagi TT 2022 dan 2023 = RM9,917.10 + RM3,305.70	21,156.48	
Yang mana lebih rendah		(13,222.80)
Cukai Kena Dibayar		<u>39,133.68</u>

Contoh 4

Fakta adalah sama seperti Contoh 3, dengan tambahan maklumat bahawa MDP ada memperoleh kemudahan overdraf dari Bank AK untuk membuat pelaburan di Negara E. MDP dapat membuktikan pembelian pelaburan di Negara E dibiayai sepenuhnya melalui overdraf dan perbelanjaan faedah overdraf tidak dituntut dalam menentukan pendapatan faedah yang dikenakan cukai di Negara E. Berikut adalah perbelanjaan faedah yang dilakukan oleh MDP:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tahun Taksiran (TT)	Perbelanjaan faedah overdraf berkaitan pembiayaan pelaburan di Negara E (RM)
2020	10,000
2021	10,000
2022	10,000
2023	10,000

Pengiraan cukai MDP bagi TT 2023 dan kredit cukai di bawah Seksyen 132 ACP 1967 adalah seperti berikut:

Butiran	RM	RM
Pendapatan Malaysia		130,000
Pendapatan berkanun dari Negara E yang diterima di Malaysia:		
Faedah bagi TT 2023 Faedah kasar : RM66,114 Tolak : Belanja dibenarkan = RM10,000 (RM66,114 – RM10,000)	56,114	
Faedah bagi TT 2022 Faedah kasar : RM22,038 Tolak : Belanja dibenarkan = RM2,222 (S\$10,000/S\$45,000 x RM10,000) (RM22,038 – RM2,222)	19,816	
Jumlah pendapatan berkanun faedah dari Negara E		75,930
Jumlah Pendapatan/Pendapatan Bercukai		205,930
Pengiraan cukai yang kena dibayar:		
Cukai pada kadar 24% (RM205,930 x 24%)		49,423.20

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	RM	RM
Tolak : Kredit cukai Seksyen 132 (RM75,930 / RM205,930) x RM49,423.20 Atau Jumlah cukai di Negara E bagi TT 2022 dan TT 2023 Yang mana lebih rendah	18,223.20 13,222.80	 (13,222.80)
Cukai Kena dibayar		<u>36,200.40</u>

5.2 Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia yang dikecualikan cukai mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026

Kategori Pembayar Cukai	Jenis Pendapatan yang Dikecualikan Cukai	Syarat Kelayakan	
- Syarikat - Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) - Ahli kongsi individu berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia (IBP)	Dividen	Pilihan A	Mematuhi syarat <i>participation exemption</i> iaitu: (a) Dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal; dan (b) Kadar cukai tertinggi (<i>headline tax</i>) di negara asal tidak kurang daripada 15%; Atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Kategori Pembayar Cukai	Jenis Pendapatan yang Dikecualikan Cukai	Syarat Kelayakan	
		Pilihan B	Mematuhi syarat substantif ekonomi.
Individu	Semua jenis pendapatan selain daripada pendapatan perkongsian.	Pendapatan telah tertakluk kepada cukai di negara asal.	

5.2.1 Pendapatan dividen luar negara yang diterima di Malaysia oleh syarikat pemastautin, PLT pemastautin dan IBP pemastautin (Syarikat/ PLT/ IBP)

5.2.1.1 Pendapatan dividen luar negara yang diterima di Malaysia oleh Syarikat/ PLT/ IBP mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026 adalah dikecualikan cukai tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Mematuhi syarat *participation exemption* iaitu:

- (a) Dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal; dan
- (b) Kadar cukai tertinggi (*headline tax*) di negara asal tidak kurang daripada 15%;

ATAU

Mematuhi syarat substantif ekonomi.

5.2.1.2 Bagi tujuan pengecualian cukai, Syarikat/ PLT/ IBP boleh memilih sama ada untuk mematuhi syarat kelayakan *participation exemption* atau syarat substantif ekonomi di perenggan 5.2.1.1.

5.2.1.3 Dividen yang dikecualikan cukai adalah dividen yang dibayar oleh entiti luar negara yang mana pendapatan operasinya tertakluk kepada cukai luar negara.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

5.2.1.4 Syarat Kelayakan

Mematuhi syarat *participation exemption* iaitu:

(a) Pendapatan dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal di mana pendapatan tersebut terbit

Dalam menentukan sama ada dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal di mana pendapatan tersebut terbit, syaratnya adalah seperti berikut:

- (i) Cukai telah dikenakan di negara asal ke atas pendapatan dividen luar negara yang diterima di Malaysia seperti berikut:
 - (A) Cukai yang dibayar atau kena dibayar di negara asal adalah cukai pendapatan atau cukai pegangan; atau
 - (B) Pendapatan dividen luar negara yang diterima telah tertakluk kepada cukai pendasar (*underlying tax*).

Nota:

- I. *Underlying tax* merupakan cukai pendapatan yang dibayar atau kena dibayar di negara asal berkaitan keuntungan pendasar (*underlying profit*) yang terbit daripada pendapatan operasi di negara asal yang mana pendapatan selepas cukai tersebut digunakan untuk membayar dividen.
- II. Jika syarikat pembayar (Syarikat X) membayar dividen daripada dividen yang diterima daripada syarikat lain (Syarikat Y) (sama ada dalam negara yang sama dengan Syarikat X atau sebaliknya), *underlying tax* yang dibayar oleh Syarikat Y tersebut ke atas dividen itu tidak boleh dianggap

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

sebagai cukai yang dibayar atau kena dibayar oleh Syarikat X bagi tujuan syarat kelayakan ini (rujuk ilustrasi di **Lampiran 1**).

ATAU

- (ii) Cukai tidak dikenakan di negara asal kerana dividen luar negara dibayar daripada *underlying profit* yang terbit daripada pendapatan operasi di negara asal yang tidak tertakluk kepada cukai disebabkan:

- (A) Kerugian atau elaun modal yang tidak dapat diserap;
- (B) Berpunca daripada keuntungan modal;
- (C) Menikmati insentif cukai susulan daripada pematuhan syarat substantif di negara tersebut; atau
- (D) Peraturan cukai di bawah rejim penyatuan cukai (*tax consolidation regime*) di negara asal (rujuk ilustrasi di **Lampiran 2(a)** dan **2(b)**).

(b) Kadar *headline tax* di negara asal tidak kurang daripada 15%

- (i) Kadar *headline tax* luar negara adalah merujuk kepada kadar cukai korporat tertinggi di negara asal:
 - (A) pada tahun dividen tersebut dikenakan cukai pegangan: atau
 - (B) pada tahun dividen tersebut diterima di Malaysia.
- (ii) Kadar cukai berkenaan hendaklah tidak kurang daripada 15%.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (iii) Kadar *headline tax* tidak semestinya merupakan kadar cukai sebenar yang dikenakan ke atas pendapatan dividen di luar negara.

Contoh 5

United Ltd adalah syarikat pemastautin di luar negara, Negara F. Pada 15.2.2021, Syarikat United Ltd membayar dividen kepada Deco Co. iaitu sebuah syarikat pemastautin di Malaysia dengan kadar cukai yang dikenakan di Negara F sebanyak 10%. Kadar cukai *headline tax* di Negara F dalam tahun 2021 adalah 20%.

	<u>RM</u>
Dividen Kasar	20,000
Tolak : Kadar cukai (10%)	<u>2,000</u>
Dividen bersih	<u>18,000</u>

Deco Co., kemudiannya mendepositkan pendapatan dividen bersih tersebut berjumlah RM18,000 ke dalam akaunnya di Negara F. Pada 5.1.2022, Deco Co. memindahkan pendapatan ini dari akaun Negara F ke dalam akaunnya di Malaysia.

Oleh kerana, syarat kelayakan kadar cukai *headline tax* di Negara F (20%) adalah memenuhi syarat tidak kurang daripada 15%, maka pendapatan dividen yang diterima di Malaysia daripada Negara F diberi pengecualian cukai.

Contoh 6

Syarikat luar negara membayar dividen pada tahun 2026 daripada keuntungan pendasar tahun 2022. Dividen diterima di Malaysia oleh pembayar cukai

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

pemastautin adalah pada tahun 2026. Tiada cukai pegangan dikenakan ke atas dividen tersebut semasa ia diisytiharkan.

Kadar *headline tax* merujuk kepada tahun 2022.

Contoh 7

Fakta adalah seperti di Contoh 6, walau bagaimanapun cukai pegangan dikenakan ke atas dividen tersebut semasa ia diisytiharkan.

Kadar *headline tax* adalah merujuk kepada tahun 2026.

(c) Mematuhi syarat substantif ekonomi

- (i) Syarikat/ PLT/ IBP dianggap mempunyai substantif ekonomi sekiranya ia:
 - (A) menggaji bilangan pekerja yang mencukupi dengan kelayakan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia; dan
 - (B) melakukan perbelanjaan operasi yang mencukupi untuk menjalankan aktiviti ekonomi tertentu di Malaysia.
- (ii) Oleh kerana kaedah operasi berbeza dari satu industri ke satu industri, penentuan sebarang nilai ambang minimum untuk syarat substantif ekonomi yang bersesuaian adalah berdasarkan kepada fakta sesuatu kes. Faktor-faktor yang akan diambil kira termasuk:
 - (A) bilangan pekerja yang mengambil kira jenis aktiviti yang berkaitan, contohnya sama ada ia adalah industri berintensif modal atau buruh;
 - (B) sama ada pekerja bekerja secara sepenuh masa atau sambilan; dan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (C) sama ada premis pejabat telah digunakan untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan dan sama ada premis itu mencukupi untuk aktiviti tersebut.
- (iii) Aktiviti ekonomi tertentu bermaksud:
- (A) Entiti pemegangan pelaburan
- Memegang dan mengurus penyertaan ekuitinya dalam entiti lain; atau
 - Membuat keputusan strategik yang perlu berkenaan dengan mana-mana aset yang diperolehi, dipegang atau dilupuskan oleh entiti; dan mengurus dan menanggung risiko utama berkenaan dengan aset tersebut
- (B) Entiti selain pemegangan pelaburan
- Dalam keadaan Syarikat/ PLT/ IBP menjalankan perdagangan, profesion atau perniagaan di Malaysia, aktiviti ekonomi tertentu adalah merujuk kepada operasi perniagaan yang dijalankan.
- (iv) Pengarah perkhidmatan yang boleh dianggap sebagai pekerja adalah *service director* yang digajikan berdasarkan *contract of service* dan bukan *contract for service*. Oleh itu, *non-service director* adalah bukan dianggap sebagai pekerja.
- (v) Penyumberan luar aktiviti ekonomi tertentu oleh Syarikat/ PLT/ IBP kepada entiti penyumberan luar adalah dibenarkan jika syarat berikut dipatuhi:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (A) Aktiviti ekonomi tertentu dijalankan oleh entiti penyumberan luar di Malaysia;
- (B) Syarikat/ PLT/ IBP telah melaksanakan pemantauan dan kawalan yang mencukupi ke atas pelaksanaan aktiviti ekonomi tertentu oleh entiti penyumberan luar;
- (C) Entiti penyumberan luar secara amnya dijangka mengenakan bayaran kepada Syarikat/ PLT/ IBP untuk aktiviti ekonomi tertentu yang dilaksanakan tertakluk kepada penggunaan peraturan harga pindahan;
- (D) Bilangan pekerja berkecualan yang diambil bekerja dan jumlah perbelanjaan mengurus yang ditanggung oleh entiti penyumberan luar di Malaysia adalah setara dengan tahap aktiviti ekonomi tertentu yang dijalankan oleh entiti penyumberan luar; dan
- (E) Jika entiti penyumberan luar menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada satu Syarikat/ PLT/ IBP, pengiraan perbelanjaan hendaklah diumpukkan sewajarnya.

Contoh 8

Syarikat Yahada Sdn. Bhd. (SYSB) adalah syarikat pemegang pelaburan pemastautin di Malaysia.

SYSB memiliki anak syarikat, Oceanic Trading Ltd. (OTL), yang beroperasi di Negara G. Pada 1 Februari 2022, OTL membayar dividen kepada SYSB dengan kadar cukai pegangan 18% di Negara G.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Berikut adalah butiran mengenai dividen yang diterima oleh SYSB:

	<u>RM</u>
Dividen Kasar	80,000
Tolak: Kadar cukai (18%)	<u>14,400</u>
Dividen bersih	<u>65,600</u>

SYSB menerima dividen bersih sebanyak RM65,600 dari OTL di Negara G. SYSB hanya mempunyai 2 orang *non-service director* yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas syarikat.

Syarat kelayakan yang telah dipatuhi oleh SYSB adalah seperti berikut:

Pilihan A. Mematuhi syarat *participation exemption* iaitu: Dividen telah tertakluk kepada cukai di negara asal dan kadar *headline tax* melebihi 15%.

Oleh itu, dividen yang diterima oleh SYSB layak untuk mendapatkan pengecualian cukai bagi pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia. Dalam keadaan ini, SYSB tidak perlu lagi mematuhi syarat substantif ekonomi bagi memenuhi syarat pengecualian cukai.

Contoh 9

Syarikat Alphacorp Sdn. Bhd. (SASB) adalah sebuah syarikat pemastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan dalam industri teknologi maklumat dan mempunyai anak syarikat, BetaTech Ltd. (BTL), yang beroperasi di Negara H.

SASB mempunyai sebuah kilang pembuatan komponen komputer yang menggajikan 320 orang pekerja mahir dan separuh mahir bagi mengoperasikan kilang tersebut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pada 1 Mei 2022, BTL membayar dividen kepada SASB dengan kadar cukai pegangan 12% di Negara H.

Berikut adalah butiran mengenai dividen yang diterima oleh SASB:

	<u>RM</u>
Dividen Kasar	50,000
Tolak: Kadar cukai (12%)	<u>6,000</u>
Dividen bersih	<u>44,000</u>

Dalam contoh ini, SASB mematuhi syarat substantif ekonomi kerana telah menggaji bilangan pekerja yang mencukupi dan melakukan perbelanjaan operasi yang mencukupi.

Oleh itu, dividen yang diterima dari SASB adalah layak mendapatkan pengecualian cukai. Walaupun syarat *headline tax* 15% tidak dapat dipatuhi, SASB masih dapat memenuhi syarat pengecualian cukai dengan mematuhi syarat substantif ekonomi.

Contoh 10

Syarikat Energi SB (SESB) adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan pemastautin di Malaysia yang terlibat dalam sektor hartanah. Syarikat hanya mempunyai seorang pengarah urusan dan seorang setiausaha syarikat yang beroperasi di Seri Hartamas, Kuala Lumpur.

Aktiviti pelaburan syarikat dijalankan secara penyumberan luar dengan melantik Ultimate Solutions Sdn. Bhd (USSB) untuk menjalankan aktiviti fungsi pelaburan SESB. Pemantauan dan kawalan dilaksanakan ke atas aktiviti penyumberan luar ini untuk memastikan syarat substantif ekonomi dipatuhi.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

SESB telah memenuhi semua syarat penyumberan luar seperti yang dinyatakan di perenggan 5.2.1.4 (c) (v).

Berdasarkan pematuhan terhadap semua syarat di atas, SESB dianggap mempunyai substantif ekonomi bagi aktiviti penyumberan luar syarikat di Malaysia. Oleh itu, SESB layak untuk mendapat pengecualian cukai bagi pendapatan dividen luar negara yang diterima di Malaysia.

- 5.2.1.5 Cara menentukan layanan cukai ke atas dividen luar negara yang diterima di Malaysia oleh Syarikat/ PLT/ IBP mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026 boleh dirujuk kepada ilustrasi di **Lampiran 3**.

5.2.2 Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh individu pemastautin

- 5.2.2.1 Semua pendapatan luar negara selain daripada pendapatan perkongsian yang diterima di Malaysia oleh individu pemastautin mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026 adalah dikecualikan cukai dengan syarat pendapatan tersebut telah tertakluk kepada cukai di negara asal.

5.2.2.2 Syarat- syarat kelayakan

Dalam menentukan sama ada pendapatan luar negara yang diterima telahpun dikenakan cukai di negara asal, syaratnya adalah seperti berikut:

- (a) Cukai telah dikenakan di negara asal ke atas pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia di mana cukai yang dibayar atau kena dibayar di negara asal adalah cukai pendapatan atau cukai pegangan; atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (b) Cukai tidak dikenakan di negara asal kerana sebab-sebab tertentu seperti berikut:

Pendapatan luar negara selain pendapatan dividen	Pendapatan dividen luar negara
(i) Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia tidak tertakluk kepada cukai di negara asal disebabkan sistem percukaian negara tersebut. (ii) Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia tidak tertakluk kepada cukai di negara asal disebabkan pendapatan individu tidak mencapai jumlah pendapatan yang layak dikenakan cukai di negara asal. (iii) Pendapatan diberi pengecualian melalui insentif cukai.	(i) Pendapatan dividen luar negara yang diterima oleh individu di Malaysia telah tertakluk kepada underlying tax. (ii) Pendapatan dividen luar negara dibayar daripada underlying profits yang terbit daripada keuntungan operasi yang tidak tertakluk kepada cukai disebabkan: (A) kerugian atau elaun modal yang tidak dapat diserap; (B) berpunca daripada keuntungan modal; (C) menikmati insentif cukai susulan daripada pematuhan syarat substantif di negara tersebut; atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	(D) peraturan cukai di bawah rejim penyatuan cukai (tax consolidation regime) di negara asal.
--	---

Contoh 11

Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia tidak dikenakan cukai disebabkan sistem percukaian di negara asal

Amansyah, seorang pemastautin di Malaysia, bertugas sebagai jurukimpal petroleum dengan syarikat yang berpangkalan di Brunei dari tahun 2020 sehingga kini. Beliau memperoleh pendapatan gaji dari Brunei. Berdasarkan sistem percukaian Brunei, pendapatan gaji yang diperolehi adalah tidak dikenakan sebarang cukai pendapatan. Pada tahun 2022, Amansyah bercadang untuk membawa balik pendapatannya ke Malaysia.

Pendapatan yang diperolehi daripada gaji di Brunei tidak tertakluk kepada cukai di Brunei. Pendapatan gaji Brunei yang dibawa masuk ke Malaysia oleh Amansyah dikecualikan cukai di Malaysia kerana pendapatan tersebut memenuhi syarat kelayakan pengecualian cukai di bawah P.U.(A) 234/2022 dan Garis Panduan ini.

Contoh 12

Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia telah tertakluk kepada cukai di negara asal

Eric, seorang pemastautin di Malaysia, bertugas sebagai akauntan di sebuah firma arkitek di Singapura dari tahun 2020. Eric dan keluarganya menetap di Johor Bahru dan beliau berulang-alik dari kediamannya ke Singapura setiap hari. Pada

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

setiap hujung bulan, beliau membawa balik gaji yang diterima dari penggajiannya di Singapura ke Malaysia dan pendapatan penggajian tersebut dicukai di Singapura. Sebahagian daripada gaji beliau telah dikreditkan ke dana persaraan di Singapura oleh pihak majikan.

Di bawah P.U.(A) 234/2022, pendapatan yang terbit dari Singapura yang dibawa masuk ke Malaysia oleh Eric dikecualikan cukai di Malaysia kerana pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di Singapura.

Contoh 13

Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia telah diberi insentif / pengecualian cukai di negara asal

Fakta adalah sama seperti contoh 12 kecuali Eric telah menamatkan penggajian di Singapura pada 31.3.2025. Pada 1.5.2025, Eric mengeluarkan wang simpanan dana persaraan di Singapura dan dibawa masuk ke Malaysia.

Apa-apa wang simpanan dana persaraan yang diluluskan di Singapura adalah dikecualikan cukai di Singapura. Berdasarkan P.U.(A) 234/2022 dan Garis Panduan ini, wang simpanan dari dana persaraan yang dikeluarkan dan dibawa masuk ke Malaysia oleh Eric adalah dikecualikan cukai di Malaysia kerana wang simpanan tersebut dikecualikan cukai di Singapura.

5.2.3 Perbelanjaan atau potongan yang dilakukan berkaitan dengan pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia oleh pemastautin

5.2.3.1 Dalam menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada pendapatan kasar untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, perbelanjaan atau potongan yang dilakukan yang berkaitan dengan pendapatan luar negara yang dikecualikan hendaklah diabaikan.

5.2.3.2 Ini bermaksud bahagian perbelanjaan atau potongan yang berkaitan pendapatan dari luar Malaysia yang dibawa

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

masuk ke Malaysia dikecualikan cukai di bawah P.U.(A) 234/2022 dan P.U.(A) 235/2022 hendaklah diabaikan.

Contoh 14

Syarikat Lulu Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan di Johor Bahru dan merupakan pemegang saham syarikat SS di Singapura. Berikut adalah pendapatan yang dilaporkan dalam BNCP TT 2022:

Butiran	RM
Pendapatan kasar punca perniagaan	2,500,000
Perbelanjaan perniagaan dibenarkan	500,000
Dividen kasar dari Singapura yang diterima di Malaysia (Perbelanjaan berkaitan pendapatan dividen RM24,000)	100,000

Berikut adalah pengiraan cukai Syarikat Lulu Sdn. Bhd. bagi TT2022:

Butiran	RM	RM
Pendapatan berkanun perniagaan (RM2,500,000 – RM500,000)		2,000,000
Pendapatan kasar dividen luar negara *dikecualikan cukai di bawah P.U.(A) 235/2022	100,000	-
Pendapatan bercukai		2,000,000
Cukai pada kadar 24% kena dibayar		480,000.00

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

5.2.4 Penyimpanan dokumen sokongan dan pengisytiharan pendapatan luar negara yang dikecualikan cukai

- 5.2.4.1 Pembayar cukai hendaklah menyimpan dokumen seperti baucar dividen, notis taksiran atau dokumen-dokumen lain selaras dengan peruntukan Seksyen 82 dan Seksyen 82A ACP 1967 yang menunjukkan pendapatan tersebut telah dikenakan cukai di luar negara.
- 5.2.4.2 Pembayar cukai perlu mengisytiharkan bahawa pendapatan luar negara yang dinyatakan layak untuk pengecualian cukai dalam BNCP seperti berikut:
- (a) Jenis dan jumlah pendapatan luar negara;
 - (b) Negara di mana pendapatan terbit;
 - (c) Kadar *headline tax* di luar negara (bagi syarikat / PLT / individu pemastautin berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia);
 - (d) Jumlah cukai yang dikenakan di luar negara;
 - (e) Pendapatan individu tidak tertakluk cukai di luar negara;
 - (f) Pendapatan dividen yang diterima telah tertakluk kepada *underlying tax*;
 - (g) Tiada *underlying tax* dikenakan atas sebab-sebab tertentu;
 - (h) Surat pengesahan atau bukti kelulusan insentif / pengecualian cukai daripada penguatkuasa cukai luar negara; dan
 - (i) Apa-apa maklumat yang akan ditentukan selain di perenggan 5.2.4.2(a) hingga (h).
- 5.2.4.3 Dokumen sokongan untuk butiran seperti di perenggan 5.2.5.1 hendaklah disimpan bagi tujuan pengauditan.
- 5.2.4.4 Berdasarkan peruntukan Perenggan 9 Jadual 7 ACP 1967 menyatakan sebarang tuntutan untuk kredit dua belah pihak bagi suatu tahun taksiran hendaklah dibuat secara bertulis kepada KPHDN tidak lebih daripada dua tahun selepas akhir tahun taksiran tersebut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

6. LAYANAN CUKAI PENDAPATAN LUAR NEGARA BERKAITAN CUKAI MAKMUR

Apa-apa pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia dalam TT 2022 tidak tertakluk kepada pengenaan Cukai Makmur [P.U.(A) 96/2022].

Contoh 15

Syarikat Good Glove Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pengilangan sarung tangan menutup akaun pada 30 November setiap tahun. Syarikat juga memberikan pinjaman kepada syarikat berkaitannya di luar Malaysia.

Berikut adalah pendapatan yang dilaporkan dalam BNCP TT 2022:

Pendapatan	RM
Pendapatan berkanun perniagaan (Malaysia)	150,000,000
Pendapatan berkanun faedah (luar negara) yang diterima pada 1.7.2022	25,000,000
Jumlah Pendapatan / Pendapatan Bercukai	175,000,000

Cukai yang perlu dibayar bagi TT 2022 oleh Syarikat Good Glove Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Pendapatan (%)	Cukai Dikenakan (RM)
Pendapatan berkanun perniagaan (Malaysia)		
100 juta pertama	24	24,000,000
50 juta berikutnya	33	16,500,000
Pendapatan berkanun faedah (luar negara)		
25 juta	24	6,000,000
Jumlah cukai yang dikenakan		46,500,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 16

Syarikat Ro Ro Bhd, sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pemasangan jentera berat menutup akaun pada 31 Oktober setiap tahun. Syarikat juga memberikan pinjaman kepada syarikat berkaitannya di luar Malaysia.

Berikut adalah pendapatan yang dilaporkan dalam BNCP TT 2022:

Pendapatan	RM
Pendapatan berkanun perniagaan (Malaysia)	95,000,000
Pendapatan berkanun faedah (luar negara) yang diterima pada 15.8.2022	25,000,000
Jumlah Pendapatan / Pendapatan Bercukai	120,000,000

Cukai yang perlu dibayar bagi TT 2022 oleh Syarikat Ro Ro Bhd adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Pendapatan (%)	Cukai Dikenakan (RM)
Pendapatan berkanun perniagaan (Malaysia): 95 juta	24	22,800,000
Pendapatan berkanun faedah (luar negara) 25 juta	24	6,000,000
Jumlah cukai yang dikenakan		28,800,000

Contoh 17

Syarikat Sunset Sdn. Bhd., sebuah syarikat pemastautin di Malaysia menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Berikut adalah pendapatan Syarikat Sunset Sdn. Bhd. bagi TT 2022:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	RM
Pendapatan kasar perniagaan (Malaysia)	120,000,000
Pendapatan kasar royalti (luar negara) * diterima di Malaysia pada 1.2.2022 (Cukai pegangan dikenakan pada kadar 10%)	10,000,000
Pendapatan kasar royalti (luar negara) ** diterima di Malaysia pada 1.7.2022 (Cukai pegangan dikenakan pada kadar 10%)	30,000,000
Pendapatan sewa (perenggan 4(d))	20,000,000
Perbelanjaan perniagaan dibenarkan	12,000,000
Derma diluluskan	5,000,000
Nota: * Negara bukan PPPDK ** Negara PPPDK	

Pengiraan cukai Syarikat Sunset Sdn. Bhd. bagi TT 2022:

Butiran	RM	RM
Pendapatan kasar perniagaan (Malaysia)		120,000,000
Tolak: Perbelanjaan perniagaan		12,000,000
Pendapatan berkanun perniagaan		108,000,000
Pendapatan berkanun royalti luar negara (diterima di Malaysia pada 1.2.2022)	10,000,000	
Pendapatan berkanun royalti luar negara (diterima di Malaysia pada 1.7.2022)		30,000,000
Pendapatan berkanun sewa		20,000,000
Pendapatan agregat		158,000,000
Tolak: Derma diluluskan		5,000,000
Pendapatan bercukai		153,000,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	RM	RM
Pembahagian Pendapatan Bercukai Berkaitan:		
(1) Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia dalam tempoh 1.7.2022 – 31.12.2022:		
$= \frac{\text{Pendapatan Berkanun Luar negara Diterima di Malaysia Dalam Tempoh 1.7.2022 – 31.12.2022}}{\text{Pendapatan Agregat}} \times \text{Pendapatan Bercukai}$		
$= \frac{\text{RM30,000,000}}{\text{RM158,000,000}} \times \text{RM153,000,000}$		
= RM29,050,633 (A)		
(2) Pendapatan selain pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia dalam tempoh 1.7.2022 – 31.12.2022:		
Pendapatan Bercukai – (A)		
= RM153,000,000 – RM29,050,633		
= RM123,949,367		
Pengiraan Cukai:		
(1) Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia dalam tempoh 1.1.2022 – 30.6.2022		300,000
= RM10,000,000 x 3%		
Pendapatan luar negara yang diterima di Malaysia dalam tempoh 1.7.2022 – 31.12.2022	6,972,152	
= 29,050,633 x 24%		

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Butiran	RM	RM
(2) Pendapatan selain pendapatan luar negara yang diterima terbit di Malaysia dalam tempoh 1.7.2022 – 31.12.2022		
= RM123,949,367		
RM100 juta pertama x 24%	24,000,000	
RM 23,949,367 seterusnya x 33%	7,903,291	38,875,443
Cukai dikenakan		39,175,443
Tolak:		
Kredit Cukai Seksyen 132	3,000,000 ⁵	
Kredit Cukai Seksyen 133	300,000 ⁶	(3,300,000)
Cukai kena dibayar		<u>35,875,443</u>

Nota:

⁵Pengiraan kredit cukai dua belah pihak (Seksyen 132 ACP 1967) bagi pendapatan royalti:

$$\begin{aligned}
 &= \frac{\text{Pendapatan berkanun punca royalti (luar negara)}}{\text{Jumlah Pendapatan}} \times \text{Cukai Malaysia yang kena dibayar sebelum kredit dua belah pihak} \\
 &= \frac{\text{RM30,000,000}}{\text{RM153,000,000}} \times \text{RM38,875,443} \\
 &= \text{RM7,622,635.88} \\
 &= \text{RM7,622,635.88 dibandingkan dengan cukai luar negara} \\
 &\quad \text{*RM3,000,000 yang mana lebih rendah} \\
 &= \text{RM3,000,000}^5 \text{ (Kredit cukai dua belah pihak yang layak dituntut)}
 \end{aligned}$$

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

⁶Pengiraan kredit cukai sebelah pihak (Seksyen 133 ACP 1967) bagi pendapatan royalti:

= RM300,000 dibandingkan dengan cukai luar negara RM500,000
($1/2 \times **RM1,000,000$) yang mana rendah

= **RM300,000⁶** (Kredit cukai sebelah pihak yang layak dituntut)

7. PENAFIAN

Contoh-contoh dalam Garis Panduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA


20 Jun 2024

s.k. LHDN.01/35/(S)/42/51/211

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Lampiran 1

Dividen luar negara diterima di Malaysia daripada syarikat luar negara dengan kadar *headline tax* tidak kurang daripada 15%.




1. Syarikat X dan Syarikat Y mempunyai kadar *headline tax* tidak kurang daripada 15%.
2. Cukai dibayar oleh Syarikat Y daripada keuntungan operasinya yang mana dividen dibayar kepada Syarikat X.
3. Tiada cukai dibayar oleh Syarikat X ke atas dividen yang diterima dari Syarikat Y. Rujuk Sub-subperenggan 5.2.1.4(a) (i) (B) (II).

4. Tiada cukai pegangan yang dibayar oleh Syarikat Alpha Bhd. ke atas dividen yang diterima daripada Syarikat X.
5. Oleh itu, dividen yang diterima oleh Syarikat Alpha Bhd. daripada Syarikat X di Negara Z tidak dikecualikan cukai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Lampiran 2(a)

Dividen luar negara diterima di Malaysia daripada syarikat induk daripada kumpulan syarikat yang berada di luar negara dengan kadar *headline tax* tidak kurang daripada 15% dan di bawah *tax consolidation system*.




1. Co. A, B, C dan D mempunyai kadar *headline tax* tidak kurang daripada 15%.
2. Co. A, B dan C membayar dividen (dari keuntungan operasi) kepada Co. D yang mana dividen tersebut telah dikenakan cukai di Negara X.
3. Co. D adalah syarikat induk kepada Co. A, B dan C yang merupakan syarikat utama di bawah *tax consolidation system* Negara X.

4. Syarikat Alpha Bhd. tidak tertakluk kepada cukai pegangan di Negara X.
5. Dalam keadaan ini, dividen yang diterima oleh Syarikat Alpha Bhd. daripada Co. D di Negara X yang diterima di Malaysia dikecualikan cukai kerana dividen tersebut telah tertakluk kepada cukai di bawah *tax consolidation system* Negara X yang diterima syarikat induk (Co. D) di Malaysia dan kadar *headline tax* di Negara X adalah tidak kurang daripada 15%.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Lampiran 2(b)

Dividen luar negara diterima di Malaysia daripada syarikat induk daripada kumpulan syarikat yang berada di luar negara dengan kadar *headline tax* tidak kurang daripada 15% dan di bawah *tax consolidation system*.



1. Co. A, B, C dan D mempunyai kadar *headline tax* tidak kurang daripada 15%.
2. Co. A, B dan C membayar dividen (dari keuntungan operasi) kepada Co. D yang mana dividen tersebut tidak dikenakan cukai di Negara X. Rujuk Sub-subperenggan 5.2.1.4(a)(ii)(A) hingga 5.2.1.4(a)(ii)(C).
3. Co. D adalah syarikat induk kepada Co. A, B dan C yang merupakan syarikat utama di bawah *tax consolidation system* Negara X.

4. Walaupun dividen yang diterima oleh Syarikat Alpha Berhad daripada Co. D tidak dikenakan cukai di Negara X, dividen yang diterima dari luar Malaysia ini dikecualikan cukai kerana dividen itu dianggap telah tertakluk kepada *tax consolidation system* di Negara X dan kadar *headline tax* di Negara X adalah tidak kurang daripada 15%.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Lampiran 3

Jadual berikut menghuraikan layanan cukai ke atas dividen luar negara yang diterima di Malaysia oleh syarikat pemastautin, PLT pemastautin atau individu pemastautin berhubung dengan perniagaan perkongsian di Malaysia mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2026.

Senario	Cukai dibayar oleh syarikat luar negara ke atas keuntungan operasi yang mana dividennya dibayar kepada syarikat/ PLT / IBP pemastautin	Dividen yang diterima oleh Syarikat/ PLT/ IBP pemastautin tertakluk kepada Cukai Pegangan	Syarat kelayakan dipatuhi (Pilihan A atau Pilihan B)						Dividen diberikan pengecualian cukai	
			Pilihan A				Pilihan B			
			Tertakluk kepada cukai		Kadar <i>headline tax</i>	Syarat Dipatuhi	Syarat substantif ekonomi			
			Ya	Tidak	Melebihi atau kurang dari 15%		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1	Tidak	Tidak		/	≥15%	X	/		/	
2	Tidak	Ya	/			/			/	
3	Ya	Tidak	/			/			/	
4	Ya	Ya	/			/			/	
5	Tidak	Tidak		/	<15%	X	/		/	
6	Tidak	Ya	/			X		/		/
7	Ya	Tidak	/			X	/		/	
8	Ya	Ya	/			X		/		/